



MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN
JALAN AIR PUTIH, 24000 CUKAI, KEMAMAN
TEL : 09-8597777 FAX : 09 - 8595455

E-mail : mpkemaman@mpkemaman.gov.my http://mpk.terengganu.gov.my

MPK.1279/1/2017/9 - ()

Tarikh : 15 Februari 2017

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA KERJA
MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN

BIL. SEBUTHARGA Q / KEJ / 10 / 2017.

Tawaran sebutharga kerja adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) di bawah Gred Pendaftaran G1 Kategori CE dan Pengkhususan Berdaftar CE21/CE32 dan bertaraf Bumiputera sahaja akan diterima di Pejabat Majlis Perbandaran Kemaman sehingga pukul 12.00 tengahari pada 02.03.2017 sebagaimana berikut :-

**MEMBAIKPULIH BUMBUNG BANGUNAN CASA LIMBONG, CUKAI,
KEMAMAN, TERENGGANU**

2. Kontraktor yang mempunyai Akuan Kebenaran Khas memasuki tawaran daripada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) di bawah Gred Pendaftaran, Kategori CE, Pengkhususan Berdaftar di atas juga boleh diterima membuat tawaran sebutharga ini dan hendaklah mengemukakan surat tersebut semasa memasuki tawaran ini. Wakil yang hadir lawatan tapak **wajib** membawa surat lantikan perwakilan daripada kontraktor berkenaan.

3. Segala butir-butir lanjut dan borang tawaran sebutharga kerja berharga **RM14.00** senaskah bolehlah didapati pada waktu bekerja di **Kaunter Bersepadu, Tingkat 1, Majlis Perbandaran Kemaman, Kemaman**. Tawaran sebutharga mestilah dibuat di atas borang yang dikhaskan. Di sampul tawaran sebutharga mestilah ditulis keterangan tawaran sebutharga itu seperti yang tersebut di atas.

4. Tawaran sebutharga yang tidak dihantar melalui pos hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran di **Kaunter Bersepadu, Tingkat 1, Majlis Perbandaran Kemaman, Kemaman**. Semua tawaran sebutharga hendaklah sampai sebelum tawaran itu ditutup pada masa yang tersebut di atas.

5. Majlis Perbandaran Kemaman adalah tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah sekali atau mana-mana tawaran.

Sekian, terima kasih.

"TRANSFORMASI TERENGGANU BAHARU"
" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(MOHD MAZLAN BIN MAMAT)

Pengarah

Jabatan Kejuruteraan

b.p. Yang DiPertua

Majlis Perbandaran Kemaman